



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 2 OKTOBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	ERUNTUKAN RM4.5 JUTA GALAK INDUSTRI TANAMAN KOPI, NEGARA, KOSMO -6 KOPI MAMPU JANA EKONOMI NEGARA, NASIONAL, SH -15 CHEERS TO MORE COFFEE!, NATION, THE STAR -6 JABATAN PERTANIAN SEDIA BANTU PENGUSAHA KOPI, ASTRO AWANI -ONLINE HARI KOPI SEDUNIA, SH -ONLINE PENTERNAK AYAM DIBANTU DAPATKAN PINJAMAN, BH -ONLINE TIGA LAGI PUSAT PENGUMPULAN DAN PENGAGIHAN FOOD BANK MALAYSIA AKAN DIBUKA, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9. 10.	TIGA PULAU AKAN DIWARTA TAMAN LAUT NEGARA, SH -ONLINE WARTAWAN TERUJA LIHAT AKSI IKAN LUMBA-LUMBA, NEGERI TERENGGANU, SH -26 SEGAJA ROSAK BOT UNTUK SUKARKAN PROSES TUNDA, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12. 13.	AGROBANK SUMBANG 600 KOTAK MAKANAN, NASIONAL, SH -18 FROM POND TO MARKET, AGROBANK, THE STAR -5 AGROBANK INNOVATES TO STRENGTHEN AGRICULTURE SECTOR, COMPANIES & STRATEGIES, THE STAR -4	AGROBANK
14. 15. 16. 17.	'HANYA INI HARTA SAYA', LOKAL, HM -22 NSTP BERSAMA BERNAS, NESTLE SUMBANG 250 BEG MAKANAN, LOKAL, HM -7 250 VACCINE RECIPIENT GET FOOD PACKS FROM NSTP, BERNAS AND NESTLE, NATION/NEWS, NST -5 NSTP, BERNAS, NESTLE RAI PENERIMA VAKSIN, NASIONAL, BH -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

2/10/2021

KOSMO

NEGARA

6

## Peruntukan RM4.5 juta galak industri tanaman kopi

**PUTRAJAYA** – Kerajaan memperuntukkan RM4.5 juta bagi Projek Pembangunan Industri Tanaman Kopi dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Klandee berkata, peruntukan tersebut meliputi penyediaan infrastruktur dan fasiliti pengendalian lepas tuai, pembekalan input-input pertanian, perolehan bahan dan peralatan kawalan perosak serta pemindahan teknologi.

"Sehingga kini MAFI telah mengenal pasti seramai 2,000 pemain industri penanaman kopi di seluruh negara.

"MAFI juga akan memberi penekanan khusus untuk merangka inisiatif baharu bagi terus menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan untuk menceburi industri tanaman kopi, termasuk di sepanjang rantaian nilai lain berkaitan dengan industri tersebut," katanya.

Bellau berkata demikian pada majlis perasmian Sambutan Hari Kopi Sempena Hari Kopi Antara-bangsa 2021 di sini semalam.

Ronald berkata, tahun lalu keluasan kawasan penanaman kopi di seluruh negara adalah seluas 2,200 hektar berbanding 2,114 hektar pada tahun 2019.

Menurutnya, pengeluaran kopi pada tahun lalu pula adalah



**RONALD**



MAFI juga akan memberi penekanan khusus untuk merangka inisiatif baharu bagi terus menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan untuk menceburi industri tanaman kopi."

**RONALD**

sebanyak 4,241 tan metrik berbanding tahun sebelumnya sebanyak 3,559 tan di mana negeri pengeluar utama adalah Johor dan Sabah.

# Kopi mampu jana ekonomi negara

Berpotensi untuk dieksport ke luar negara

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMMAD ADNAN

**PUTRAJAYA**

Industri tanaman kopi bukan saja dapat memenuhi keperluan negara, bahkan berpotensi dieksport sekali gus menjana ekonomi Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiangdee berkata, pengeksportan itu sekali gus dapat memperkenalkan kopi keluaran negara ke seluruh dunia.

"Kopi adalah komoditi yang dapat meningkatkan pendapatan ekonomi melalui penjualan produk dan peluang perniagaan dalam rantainya," katanya dalam kenyataan sempena Hari Kopi Sedunia yang disambut setiap 1 Oktober dianjurkan oleh Jabatan

Pertanian Malaysia (DOA) secara dalam talian pada Jumaat.

Menurut Ronald, penghasilan benih, penanaman di ladang, penuaian, prosesan biji, pemasaran dan penghasilan produk berasaskan kopi adalah antara aktiviti utama dalam rantaian pengeluaran kopi.

"Sambutan Hari Kopi Sedunia adalah suatu bentuk penghargaan dan manifestasi rasa terima kasih kepada semua yang terlibat di sepanjang rantaian pengeluaran kopi di seluruh dunia bermula daripada petani sehingga kepada penggemar kopi.

"Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui DOA akan terus memberi perhatian agar industri ini terus diperkukuh dan tidak ketinggalan serta bergerak seiring dengan perkembangan industri tanaman agromakanan yang lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran," katanya.

Sejarah penanaman kopi di Malaysia bermula pada abad ke-17 iaitu melalui penanaman kopi *arabica*. Pada akhir abad ke-18 pula, kopi *liberica* telah diperkenalkan dan awal abad ke-19, petani mula

FOTO: ROSLI TALIB



Hari Kopi Sedunia disambut pada 1 Oktober setiap tahun.

menanam kopi daripada spesies *robusta*.

"Disebabkan Malaysia mempunyai iklim sesuai dan tanah lanar yang subur, keberadaan sumber semula jadi ini memberi kelebihan kepada negara kita untuk mengeluarkan hasil kopi terutama daripada spesies *liberica* yang mempunyai rasa istimewa dan unik," kata Ronald.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan telah meluluskan peruntukan RM4.5 juta dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi Projek

Pembangunan Industri Tanaman Kopi yang antara lain bertujuan menyediakan infrastruktur dan fasiliti pengendalian lepas tuai, pembekalan input pertanian, perolehan bahan dan peralatan kawalan peresak serta pemindahan teknologi.

Ronald berkata, DOA juga akan memberi penekanan khusus untuk merangka inisiatif baharu bagi terus menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan membangunkan industri tanaman kopi di Malaysia.

# Cheers to more coffee!

Dept ready to help those interested in this beverage industry

**PUTRAJAYA:** The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI), through its Agriculture Department, is ready to assist individuals interested in becoming coffee entrepreneurs.

It said it will assist from beginning to end — starting with the preparation of the planting process, irrigation system to coffee processing.

Deputy director-general of the Agriculture Department (Management and Regulatory), Datuk Zahimi Hassan, said there were only about 2,000 coffee growers in Malaysia, mainly in Kedah, Johor and Sabah.

The majority of coffee varieties grown are liberica and robusta.

According to data from the Agriculture Department, coffee cultivation in Malaysia in 2021 is 2,220 hectares (ha) compared with 2,114 ha in 2019.

Coffee production in 2020 was 4,241 tonnes compared with 3,559 tonnes in 2019, with the main producers being Johor and Sabah, he said.

"The coffee production figure is expected to increase yearly by taking into account the potential of coffee bean production according to the maturity of the trees," he told reporters after the national-level 2021 World Coffee Day

## Irresistible:

Tracia Chan making a cuppa in honour of the World Coffee Day yesterday in Putrajaya.  
— Bernama



Celebration here yesterday.

"The main problem in this industry is manpower needed to pick ripe coffee beans as not all beans in one stalk of coffee will ripen simultaneously. Therefore, there is a need to re-pluck the ripe beans from that stalk at another time," he said.

Zahimi said the government had approved an allocation of RM4.5mil under the 12th Malaysia

Plan (12MP) for the Coffee Plantation Industry Development Project, which aims to provide infrastructure and post-harvest handling facilities as pest control equipment.

MAFI Minister Datuk Seri Dr Ronald Khande, who officiated at the virtual World Coffee Day celebration, said in his message that his ministry would place special emphasis on formulating new ini-

atives to encourage young, local entrepreneurs to venture into the coffee industry.

Oct 1 is celebrated by the International Coffee Organisation as the World Coffee Day to promote coffee as a daily drink, appreciate coffee farmers and the entire coffee value chain, including processors, manufacturers, to consumers.

Forty-nine countries are in the organisation. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Jabatan Pertanian sedia bantu pengusaha kopi



*Terdapat kira-kira 2,000 pengusaha kopi di Malaysia terutamanya di Kedah, Johor dan Sabah dengan majoriti varieti kopi ditanam adalah jenis 'Liberica' dan 'Robusta'. - Gambar fail*

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Pertanian sedia membantu 'dari awal hingga akhir' individu berminat menjadi pengusaha kopi daripada penyediaan proses penanaman, sistem pengairan hingga pemprosesan kopi.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian (Pengurusan dan Regulatori) Datuk Zahimi Hassan berkata, buat masa ini, terdapat kira-kira 2,000 pengusaha kopi di Malaysia terutamanya di Kedah, Johor dan Sabah dengan majoriti varieti kopi ditanam adalah jenis 'Liberica' dan 'Robusta'.

Menurut data Jabatan Pertanian, keluasan kawasan penanaman kopi di Malaysia pada 2021 adalah 2,220 hektar berbanding 2,114 hektar pada 2019.

Pengeluaran kopi pada 2020 adalah sebanyak 4,241 tan metrik berbanding 3,559 tan metrik pada 2019, dengan pengeluar utama ialah Johor dan Sabah, katanya.

"Angka pengeluaran kopi dijangka meningkat setiap tahun dengan mengambil kira potensi penghasilan buah kopi mengikut kematangan pokok," katanya kepada pemberita selepas Sambutan Hari Kopi Sedunia 2021 peringkat kebangsaan di sini hari ini.

"Masalah utama dalam industri ini adalah tenaga buruh iaitu keperluan ketika memetik buah kopi yang matang, kerana dalam satu tangkai buah kopi, bukan semua masak pada satu-satu masa, jadi keperluan untuk memetik buah kopi masak dari tangkai sama adalah berulang," katanya.

Zahimi berkata kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi Projek Pembangunan Industri Tanaman Kopi yang antara lain bertujuan menyediakan infrastruktur dan fasiliti pengendalian lepas tuai dan peralatan kawalan perosak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang merasmikan Sambutan Hari Kopi Sedunia itu secara maya dalam mesejnya berkata MAFI akan memberi penekanan khusus merangka insiatif baharu untuk menggalakkan usahawan muda tempatan menceburi industri tanaman kopi.

Tarikh 1 Okt dipersetujui Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO), yang dianggotai 49 negara, sebagai tarikh sambutan Hari Kopi Antarabangsa. Ia bagi mempromosi dan meraikan kopi sebagai satu

minuman harian, di samping menghargai petani kopi serta seluruh rantai nilai kopi termasuk pemproses, pengilang hingga pengguna.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Hari Kopi Sedunia



Keenakan aroma kopi menjadi kegemaran rakyat Malaysia di mana mereka dapat menikmati hidangan kopi setiap hari.

Hari ini merupakan sambutan Hari Kopi Sedunia 2021 peringkat kebangsaan diadakan di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Putrajaya, hari ini.  
- Foto Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Penternak ayam dibantu dapatkan pinjaman



**GOPENG:** Kerajaan akan membantu penternak mendapatkan pinjaman bank bagi menyelesaikan isu kenaikan harga ayam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata ia antara langkah mengurangkan kos

operasi ladang ternakan, sekali gus menurunkan harga ayam di pasaran.

Beliau sudah bertemu Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, dan dipanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri, untuk berbincang bagaimana kedua-dua Kementerian boleh menghasilkan kaedah terbaik menangani masalah berkenaan.

Hasil libat urus Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama persatuan penternak ayam, pihaknya mendapat pandangan berhubung pemberian subsidi untuk harga dedak ayam.

"Mereka juga lebih suka kalau diberi pinjaman mudah susulan peningkatan kos operasi dan bukan hanya dedak ayam," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan Food Bank Malaysia Zon Utara di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini, hari ini.

Beliau mengulas hasil perbincangan bersama beberapa pihak termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berhubung isu kawalan harga ayam yang tinggi.

Alexander berkata, pihaknya perlu meneliti segala cadangan yang dikemukakan sebelum diputuskan kelak.

"Walaupun kita mahu menangani masalah harga ayam ini, kita perlu juga mengambil kira aspek ekonomi secara menyeluruh.

"Kalau memberi subsidi berterusan kepada semua, kita mungkin tidak mampu dari segi ekonomi dan kewangan kerana ia akan menjadi beban, tetapi kita akan dapatkan keputusan yang boleh membantu," katanya



Alexander (dua, kiri) melepaskan konvoi lori yang membawa muatan barang makanan ketika mengadakan lawatan kerja di Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan Food Bank Malaysia di RTC Gopeng, hari ini. - Foto BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Tiga lagi pusat pengumpulan dan pengagihan Food Bank Malaysia akan dibuka



*Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata pusat berkenaan dicadang dibuka dalam masa terdekat ialah di Zon Selatan di bandar raya Johor Bahru dan bandar raya Melaka manakala di Kota Bahru mewakili Zon Pantai Timur. - Gambar fail*

**GOPENG:** Tiga lagi Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan (DC) *Food Bank* Malaysia akan diwujudkan di Johor, Melaka dan Kelantan sebagai inisiatif peduli rakyat yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata pusat berkenaan dicadang dibuka dalam masa terdekat ialah di Zon Selatan di bandar raya Johor Bahru dan bandar raya Melaka manakala di Kota Bahru mewakili Zon Pantai Timur.

Kini terdapat sebuah pusat pengumpulan sedia ada di Kajang, Selangor bagi Zon Tengah.

"Kementerian mengalu-alukan penyertaan daripada pelbagai pihak untuk bekerjasama dengan KPDNHEP melalui Sekretariat *Food Bank* Malaysia bagi memanfaatkan pengoperasian Pusat DC *Food Bank* ini dan diharap lebih ramai tampil untuk bersama-sama menjayakan inisiatif ini untuk membantu golongan kurang berkemampuan terutamanya golongan B40," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena lawatan ke Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan *Food Bank* Malaysia Zon Utara di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini hari ini.

"Untuk makluman, bermula sejak 2018 salah satu program berbentuk tanggungjawab sosial yang diterajui oleh kementerian ini adalah Program *Food Bank* Malaysia," katanya.

Menurut beliau sehingga 28 Sept lepas, seramai 630,754 orang dari golongan B40 serta 19,954 pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah menerima manfaat daripada inisiatif *food bank* itu di seluruh negara.

Beliau berkata sesi lawatan kerja pada hari ini juga merupakan suntikan semangat kepada semua pihak yang terlibat menjayakan Program *Food Bank* Malaysia bagi memastikan inisiatif itu dapat membantu meringankan kos sara hidup masyarakat yang terbeban melalui pelbagai sumbangan makanan.

"Usaha ini dapat dimanifestasikan dengan bukti keprihatinan kerajaan dan usaha-usaha syarikat swasta dalam membantu dan meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan," katanya.

Pusat DC Food Bank Malaysia Zon Utara itu merupakan jalinan kerjasama strategik antara KPDNHEP, Rakan Strategik Utama Program Food bank Malaysia, Kumpulan Legasi Z Sufi dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam mewujudkan hub berpusat bagi pengumpulan dan pengagihan sumbangan dan lebihan makanan melalui konsep food bank.

Terdahulu, beliau meninjau pelaksanaan Program Vaksinasi Industri Peruncitan (PPVIN RiVAC) di AEON Midtown Falim di Ipoh yang diberikan terhadap petugas sektor ekonomi dan peruncitan yang bermula 7 Sept lepas hingga 5 Okt ini.

Katanya sehingga 28 Sept lepas, seramai 55,989 pekerja barisan hadapan sektor peruncitan telah menerima vaksin dos pertama manakala seramai 48,245 orang telah lengkap dos kedua melalui 10 PPVIN RiVAC di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Tiga pulau akan diwarta Taman Laut Negara



Ahmad (tengah) Norhizam (kanan) menyerahkan ikan nemo untuk dilepaskan di perairan Pulau Udan di sini, pada Sabtu.

MELAKA - Tiga pulau bakal menjadi pulau pertama di Melaka untuk diwartakan sebagai Taman Laut Negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bagaimanapun pewartaan di Pulau

Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol belum mempunyai tarikh khusus dan sedang menunggu kelulusan kerajaan negeri.

Menurutnya, pewartaan membabitkan radius satu batu nautika dari pantai sekali gus akan menambahkan bilangan 42 buah taman laut yang telah wujud di negara ini.

Katanya, ketiga-tiga pulau ini memiliki keunikan khazanah lautnya tersendiri dan melalui pewartaan ini kelestarian kepelbagaian biodiversiti marin di kawasan perairan akan lebih terjamin.

"Keunikan khazanah laut ini akan dijadikan sebagai tarikan dan bila diwartakan akan menarik kehadiran pelancong dalam masa sama kita nak lihat khazanah laut ini menjadi warisan," katanya.

Ahmad (tengah) dan Haslina(tiga, kanan) bergambar papan tanda Pulau Undan ketika lawatan kerja di pulau itu pada Sabtu.



Ahmad berkata demikian kepada pemberita ketika lawatan kerja ke Pulau Undan di sini, pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Kamel Mohamad dan Exco Pertanian Negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Mengulas lanjut beliau berkata, kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM110,000 kepada Jabatan Perikanan Negeri untuk melaksanakan aktiviti dan kerja-kerja pemantuan habitat, rehabilitasi, restorasi karang, perolehan peralatan, selaman selain program meminimumkan ancaman terhadap hidupan marin di ketiga-tiga pulau itu.

"Diharapkan, ia dapat memberikan limpahan ekonomi kepada komuniti setempat, pengusaha bot dan inap desa, hotel dan sebagainya," kata beliau.

## Wartawan teruja lihat aksi ikan lumba-lumba

DUNGUN - Sekumpulan wartawan dari Terengganu teruja apabila terserempak dengan sekumpulan ikan lumba-lumba atau dolfin yang berenang berhampiran bot dinaiki ketika dalam perjalanan menuju ke lokasi tugasan di Pulau Tenggel di sini pada Khamis.

Mamalia marin itu dilihat berenang dan muncul di permukaan air dalam tempoh lima minit sekitar jam 11.30 pagi.

Wartawan *Sin Chew Jit Poh*, Lew I. Ling berkata, dia bersama kumpulan media lain dalam perjalanan dari jeti di Dungun ke Pulau Tenggel ketika terserempak dengan kumpulan ikan lumba-lumba berkenaan.

Katanya, dia tidak menyangka perjalanan ditempuh untuk ke lokasi tugasan menjadi pengalaman manis kerana pertamanya kali terserempak dan dapat melihat secara lebih dekat aksi sekumpulan ikan lumba-lumba berenang berhampiran bot yang dinaiki.

"Saya tidak pernah berpengalaman

menyaksikan spesies hidupan mamalia marin itu muncul di permukaan laut. Saya begitu teruja dan sempat merakam video aksi ia berenang.

"Dianggarkan kumpulan mamalia laut tersebut muncul dan berenang berhampiran bot yang kami naiki sekitar lima minit sebelum berenang ke dasar lautan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Jumaat.

I. Ling bersama lapan wartawan lain menyertai program *Jom Ke Pulau Tenggel - Melawat Terengganu 2021* sebagai usaha memperkenalkan pulau di pesisir pantai Terengganu yang cukup istimewa untuk dikunjungi.

"Difahamkan spesies ikan lumba-lumba sudah menjadi kebiasaan muncul di kawasan ini namun tidak semua berpeluang untuk melihat sendiri ia berenang pada jarak dekat," katanya.

Untuk rekod, ikan lumba-lumba merupakan spesies mamalia marin yang dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985.



Tangkap layar daripada video yang dirakam Lew I Ling ketika melihat ikan lumba-lumba muncul di permukaan air di perairan Pulau Tenggel, Dungun.

2/10/2021

HARIAN METRO

LOKAL

18

## Sengaja rosak bot untuk sukarkan proses tunda

**Pasir Putih:** Menghantar ombak setinggi hampir tiga meter dalam keadaan hujan lebat antara cabaran dilalui anggota penguat kuasa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan ketika menunda dua bot nelayan Vietnam yang ditahan ketika merompak hasil laut negara, Selasa lalu.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Kelantan, Komander Maritim Khairun Dalilah Baharin berkata, anggotanya mengambil masa lebih 40 jam untuk menunda kedua-dua bot berkenaan ke jeti Maritim Tok Bali berikutnya daripada bot mengalami kerosakan.

Katanya, bot itu diperkayaai sengaja dirosakkan untuk menyukarkan pihak berkuasa menundanya ke jeti.

Beliau berkata, dua bot nelayan asing itu ditahan ketika menceroboh dan menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan Kelantan pada jarak kira-kira

114 dan 115 batu nautika daripada Muara Tok Bali.

"Penahanan dilakukan anggota yang membuat rondaan Op Kuda Laut Kapal Maritim (KM) Tok Bali pada jam 6.39 petang.

"Kami mengambil masa setengah jam untuk memintas dan menahan bot ini, namun apabila berjaya dirapati kedua-duanya cuba mengalihkan haluan ke sempadan perairan Vietnam.

"Tetapi, ia berjaya dipintas dan ditahan di kedudukan kira-kira 13.5 batu nautika daripada sempadan perairan Vietnam," katanya di jeti Maritim Kelantan di Tok Bali di sini, semalam.

Khairun Dalilah berkata, pemeriksaan ke atas bot pertama pada jam 6.54 petang mendapati ia dikenaldalikan tiga kru termasuk tekong manakala bot kedua ditahan jam 7.09 petang di kendalikan 16 kru termasuk



**KHAIRUN DALILAH** (dua dari kiri) memeriksa nelayan warga Vietnam bersama hasil tangkapan yang dirampas ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan Kelantan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

warganegara Vietnam berusia 20 hingga 48 tahun termasuk dua remaja berusia

14 serta 17 tahun.

"Pemeriksaan ke atas kedua-dua bot mendapati tidak

memiliki permit untuk menangkap ikan mengikut Akta Perikanan 1985 selain semua kru termasuk tekong tidak mempunyai dokumen pengenalan diri sah," katanya.

Menurutnya, nilai rampasan termasuk dua bot, hasil ikan seberat 500 kilogram (kg), bekalan diesel sebanyak 6,000 liter dan peralatan menangkap ikan dianggarkan RM3 juta.

Beliau berkata, kes akan disiasat mengikut Seksyen 15(1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan tanpa cuba menangkap ikan atau kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dan Seksyen 16 (3) akta yang sama disebabkan gagal memberitahu pegawai berkuasa melalui radio atau faksimili mengenai nama negara, bendera, lokasi laluan dan destinasi vesel ketika memasuki perairan perikanan Malaysia.

## Agrobank sumbang 600 kotak makanan

**KUALA KEDAH** - Agrobank menerusi program Agrobank dan Komuniti menyumbangkan 600 kotak makanan bernilai RM49,000 kepada komuniti nelayan di Kuala Kedah yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) baru-baru ini.

Penanggung Tugasan Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, Agrobank bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) membantu mereka yang terjejas susulan hilang punca pendapatan.

Menurutnya, kebanyakan mereka tidak boleh turun ke laut dan terputus hubungan logistik berikutan arahan PKPD membatalkan hampir seluruh kawasan di mukim Kuala Kedah.

"Diharap inisiatif program ini dapat meringankan beban yang dihadapi komuniti nelayan berkenaan, seterusnya mereka dapat meneruskan kehidupan seharian," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Khadijah berkata, kerjasama strategik Agrobank dan Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah bersama Nekmat membuktikan kesungguhan mereka membantu komuniti agro, khususnya dalam kalangan nelayan.

Penyerahan sumbangan disampaikan Ketua Bahagian Komersial Agrobank Wilayah Utara, Kamarul Azlan Razak kepada Pengerusi Nekmat, Abdul Hamid Bahari di Dewan Komuniti Nelayan, Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini.



Dari kiri: Pengurus Cawangan Agrobank Kodiang, Baharom Ramli; Abdul Hamid, Kamarul Azlan dan Ketua Bahagian Jualan dan Perkhidmatan Agrobank Wilayah Utara, Norafiza Ani Abdullah pada program sumbangan bantuan makanan di Dewan Komuniti Nelayan, Kompleks LKIM di Kuala Kedah baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2021	THE STAR	AGROBANK	5

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 500901010623 (01181049)



FROM POND

TO MARKET



- DIRECT & INDIRECT INPUT SUPPLIERS
- FARMING & PRODUCTION
- PRIMARY & SECONDARY PROCESSING
- LOGISTICS & STORAGE
- WHOLESALE & RETAILERS
- CONSUMERS

## SERVING END-TO-END SOLUTIONS TO MALAYSIA'S AGRICULTURE ECO-SYSTEM

If you think only farmers and fishermen bank with Agrobank, think again. Agri and agri-food businesses span a full supply chain inclusive of research, logistics, manufacturing and drive a host of other support services both directly and indirectly. At Agrobank we support them all and have done so since 1969.

We offer a growing portfolio of financial products, services and support that extends to the expanded agriculture sector to fortify the backbone of Malaysia's economic strength and stability, and champion Malaysia's national food security.

**We champion food security for the nation.**

For financial support of your agri business, talk to us today!  
1 300 88 2476 (LOCAL) +6 03 2079 0600 (INTL)

- Savings & Deposits
- Personal Financing
- Business Financing
- Trade Finance
- Electronic & Agent Banking
- Other Financial services



Scan this QR code to see a full list of our products & services

# AGROBANK INNOVATES TO STRENGTHEN AGRICULTURE SECTOR

By THOMAS HUONG  
huong@thestar.com.my

AGROBANK which focuses on strengthening the agriculture sector in Malaysia will continue to support small and medium enterprises (SMEs) as well as the underserved and underserved communities - B40 communities, women, the disabled and asnaf (poor and needy) - via its social development programmes and syariah-compliant financing products.

Via a RM350mil micro credit financing fund under the Penjana programme, the leader in agriculture financing and values-based banking has helped entrepreneurs whose businesses have been impacted by Covid-19 pandemic disruptions.

As of July 31 this year, the bank has approved RM200.4mil in financing under its Penjana Agrofood Fund to 16,000 entrepreneurs from the agro-based communities.

According to Agrobank covering CEO/president Khadijah Iskandar, from 2020 till end-August 2021, the bank dispersed over RM900mil to help SMEs sustain their business operations, safeguard jobs and encourage domestic investments through the special relief facility, agrofood facility and SME automation and digitalisation facility.

Under the government's Pernerka and Pemulih Initiatives, as of end-August 2021, over 46,700 customers have benefitted from about RM3.5bil in loan moratorium and financial assistance packages, she says.

"We support the government's initiatives for economic recovery. We allocate funds for those who want to start small businesses and also those in agricultural sectors.

"For existing customers who have not been able to operate their businesses during the movement restrictions, they can get financing from us to ease their cash flow and liquidity issues. This will give them some breathing space and buys them time to generate new cash flows, and eventually repay their loans.

"As a development financial institution, we are different from commercial banks. We need to understand our customers and how we can come in and help. So the financing terms and conditions will be very accommodating during this period," she says.

Khadijah points out that even before the Covid-19 pandemic, Agrobank had automatic loan moratoriums for customers whose businesses are affected by natural disasters.

"We are in the agriculture industry and naturally, the risk is higher than other industries. The automatic loan moratorium is to allow time for our customers to assess losses and then, talk to us for a permanent solution."

She also notes that about 90% of the bank's customers opted for the first automatic loan moratorium package announced by the government last year.

"However, under the subsequent targeted loan repayment assistance programmes, only around 35% of our customers applied for them. So, customers understand more of the implications of the loan repayment assistance programmes," says Khadijah.

## Syariah-compliant solutions

Established in 1969, Agrobank offers syariah-compliant financing solutions across various segments including corporate, commercial, consumer, trade finance and micro financing.

Financial institution creates sustainable values for agriculture players and communities



Agrobank plans to introduce an investment platform for agricultural products, that would connect private investors and entrepreneurs. - Photo by Daniel Fazio on Unsplash



"We support the government's initiatives for economic recovery. We allocate funds for those who want to start small businesses and also those in agricultural sectors," says Khadijah.

Agrobank is a full-fledged Islamic bank since July 1, 2015. Besides 1,369 agro agents, the bank has a network of 206 customer touch points - including 138 branches, 19 commercial financing centres and 33 kiosks.

As of 2020, 119 of the touch points are located in rural areas. Meanwhile, RAM Sustainability Sdn Bhd recently assigned the environmental benefit rating to the sustainable sukuk to be issued under Agrobank's RM1bil sukuk wakalah programme.

The rating agency assigned the environmental benefit rating to three green solutions within Agrobank's sustainable sukuk framework - sustainable water and wastewater management; environmentally sustainable management of living natural resources and land use; and, terrestrial and aquatic biodiversity conservation. RAM Sustainability also assigned the social benefit rating to social solutions under the framework.

For the first tranche, Agrobank is looking to issue RM500mil in sukuk wakalah. Proceeds from the sukuk issuance will be utilised for working capital requirements, general investments or to refinance any existing syariah-compliant financing of Agrobank.

"The purpose of the sukuk is to diversify our funding source, because currently the majority of our funding is from deposits. We would also like to take advantage of the low interest rate environment now," says Khadijah.

## Sustainability targets

She says Agrobank's activities are in line with the UN Sustainable Development Goals (SDGs) such as zero hunger; clean water and sanitation; decent work and economic growth; industry, innovation, and infrastructure; and, life on land.

"Our main customer segments are the underserved and underserved. So we aim to help in the eradication of poverty.

"For example, when financing poultry farmers, we make sure they comply with regulatory requirements regarding non-pollution of water.

"We also provide financing to SMEs and encourage the adoption of technology in agriculture," she says.

Based on Agrobank's 2020 financial reports, about 5% of its finance portfolio is in sustainable activities - for example, oil palm plantations as well as independent and organised smallholdings under the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) certification scheme.

"So, 5% is a good start. Some banks are targeting 5% but we are already there," she says.

She shares that Agrobank works closely with the Agriculture and Food Industries Ministry to support the country's food security programmes and entrepreneur development.

"Among our mandates is to make our customers 'bankable'. If you are a start-up, come to Agrobank



With RM100,000 in donations, Agrobank purchased foodstuff from partnering SMEs which was given out to 1,600 recipients throughout the country under the bank's food aid initiative in August 2021.

and we will guide you. Small businesses which are not bankable in the eyes of the commercial banks, we want to nurture them to the stage where they are bankable," says Khadijah.

Agrobank has plans to provide an investment platform for agricultural products, that would connect private investors and entrepreneurs.

"There are many investment opportunities in agriculture and we want to provide a space for more private equity to go in. More people will be able to participate in elevating this industry.

"Our exposure to fisheries is RM651mil compared with the banking industry's RM325mil. For crops, our exposure is RM3bil compared with the banking industry's RM2bil. For livestock, ours is RM1bil compared to the banking industry's RM3bil," she says.

## Aid for the poor

In August, the bank organised a programme called Agrobank & Komuniti in co-operation with several SMEs. With donations amounting to RM100,000, under the initiative food aid was given to 1,600 recipients throughout the country.

The food aid package included rice, sugar, and flour purchased by Agrobank's district branches from the partnering SMEs.

Khadijah says the initiative was to help communities affected by the Covid-19 pandemic, and which need basic living necessities and food aid.

"We will have more Agrobank & Komuniti disaster relief programmes and also to help communities in need.

"Recently, the Kuala Kedah fishing community was affected by flash floods. For the flood season, we plan to provide assistance such as food, and, mattresses and pillows," she says.

## Biz/financial training

As for initiatives and programmes by Centre of Excellence Agrobank (ACE) to help businesses and promote financial inclusion, Khadijah says they include training to guide people on financial management and starting businesses.

"During the pandemic, we do more online classes. We bring in some of our customers, who share their business experiences with the training programme participants. The participants learn about online trading or marketing. Many of

them have achieved encouraging business results," she says.

Citing a pizza seller whose business folded due to pandemic movement restrictions, Khadijah says: "We provided financing and training, and she re-started the business from home. She appointed other housewives as her agents. Later, she had to expand her operations by renting another premises, so that she can serve more customers.

"So, there are always opportunities in a crisis, and we advise our customers to not give up, and we keep on engaging them."

Agrobank collaborates with the Agriculture and Food Industries Ministry on the My Future Agro programme for unemployed graduates.

"We share with them opportunities in agriculture. After the programme, over 20% of participants started agriculture-related businesses. Another 42% were absorbed by businesses. So this is one of our ways of contributing to human capital development for the industry," says Khadijah.

Agrobank's financing portfolio includes over RM300mil microfinance where average exposure is not more RM150,000.

"We also provide financing for communities in rural areas such as affordable housing programmes, and for small-scale palm farmers and rubber smallholders. We developed products for the Agriculture Mechanism and Automation Scheme, to support more injection of technology into the sector," she says.

Khadijah cited the bank's initiative at a fishing village in Pahang where 40 housewives who took part in a training programme on small businesses were able to each generate about RM1,000 monthly from their start-ups.

"These are the things we do to empower women and the community," she says.


As an equal opportunity bank, Agrobank provided its Agro Bakti financing programme for disabled entrepreneurs.

Khadijah says the bank also fills in gaps in financing such as for fishing boats "because nobody wants to touch this."

"We are working with the Agriculture and Food Industries Ministry whereby we have a financing programme for fishermen to help them buy fishing vessels which will enable them to go further out to sea. This will also help to conserve fish reserves that are closer to shore," she says.



YACOB bersama lembu yang dicurinya.



LEMBU yang dicuri bersama antara cawan sudan dan enam tahun.

Oleh Ahmad Rabinul Zulkifli  
am@hmetro.com.my

Marang

**R**asa nak pitam apabila empat daripada enam lembu saya hilang dari kawasan ia dilikat. Saya baru sahaja beli kayu untuk buat kandang lebih selamat," kata Yaacob Yaman, 66.

Penternak itu berkata demikian selepas empat lembu baka jenis *limusin* dan bel-

gian *blue* hilang dipercayai dicuri di Kampung Pulau Kerenga di sini semalam yang menyebabkan dia kerugian lebih RM40,000.

Katanya, dia menyedari lembu berusia antara enam bulan hingga enam tahun itu hilang jam 7 pagi ketika mahu memberi ia makan.

"Sejak 2016 saya ternak lembu di padang ragut yang terletak 200 meter dari rumah.

"Saya sudah buat bebahan di media sosial dan cari di banyak kawasan. Hanya ini harta saya ada, ternakan seperti tabung saya. Jika perhukan wang, ia boleh dijual,"

katanya yang berharap ternakannya ditemui segera. Yaacob mendakwa lembunya mungkin dilarikan antara jam 3 hingga 4 pagi kerana menemui kesan tayar lori satu tan di kawasan peliharaan dan najis lembu yang masih baru.

Sementara itu, menantunya, Mohamad Al Bukhari Husain, 32, berkata, sebelum ini dua daripada empat lembu yang hilang itu pernah ditawarkan pada harga RM7,000 dan RM9,000 seekor.

"Ketika itu ayah tidak jual kerana masih muda dan mahu memeternaknya lagi," katanya.

# 'HANYA INI HARTA SAYA'

## Penternak rugi RM40k empat lembu baka mahal kena curi



Hanya ini harta saya ada, ternakan seperti tabung saya. Jika pertjukan wang, ia boleh dijual"

Yaacob

## NSTP bersama Bernas, Nestle sumbang 250 beg makanan

**Shah Alam:** The New Straits Times Press Berhad (NSTP) dengan kerjasama Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan Nestle Malaysia Bhd (Nestle) tampil membesarkan sumbangan 250 beg makanan kepada pasukan barisan hadapan dan penerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin Ideal Convention Centre (IDCC) di sini, semalam.

Pengurus Besar Jualan dan Pengedaran NSTP, M Prakash berkata, pihaknya berterima kasih kepada Bernas dan Nestle kerana menyumbangkan melalui prog-



MOHD Zuhelmy (dua dari kanan) sambil diperlihatkan Prakash (kiri) menyampaikan sumbangan barangan keperluan kepada pengunjug yang hadir di PPV IDCC Shah Alam, semalam.

ram tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka kepada masyarakat.

"Ini antara inisiatif kita berterima kasih kepada penerima vaksin serta menggalakkan lagi orang ramai mengambil vaksin selaras dengan hasrat kerajaan.

"Sumbangan berbentuk barangan keperluan seperti beras, Nescafe, Maggi dan sebagainya mencecah RM50 sangat berguna dalam keadaan pandemik melanda negara," katanya ketika ditemui di IDCC, semalam.

Prakash berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan

akan mengadakan program yang sama di ppv lain.

Selain itu, Pengurus Perhubungan Media Bernas, Mohd Zuhelmy Ismail berkata, pihaknya berbesar hati dapat bekerjasama dengan NSTP, Nestle dan IDCC untuk menyumbangkan beras kepada penerima vaksin di sini.

"Kita bekalkan 250 beras ruji jenama Bernas untuk diagihkan kepada penerima vaksin.

"Ini juga antara moto kita iaitu kesejahteraan untuk semua dan tanda sokongan dalam usaha membantu kerajaan mencapai imuniti

kelompok sendiri," katanya. Sementara itu, Ketua Pengurus PPV IDCC, Dr Nur Es Naini Awaluddin berkata, pihaknya menghargai usaha syarikat korporat memberi sumbangan kepada pasukan barisan hadapan dan penerima vaksin.

"Alhamdulillah, rezeki petugas di IDCC sentiasa murah dengan pelbagai sumbangan diberikan badan korporat," katanya.

Dr Nur Es Naini berkata, IDCC mempunyai lebih 500 petugas pelbagai agensi dengan kapasiti boleh memuatkan 3,000 orang.

# 250 vaccine recipients get food packs from NSTP, Bernas and Nestle

**SHAH ALAM:** The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), together with Padiberas Nasional Bhd (Bernas) and Nestle Malaysia Bhd (Nestle), distributed special food packs to vaccinated individuals at the Ideal Convention Centre (IDCC) here yesterday.

NSTP's corporate social responsibility (CSR) programme with Bernas and Nestle saw 250 people receiving the food packs.

The packs comprised Beras Rujji from Bernas, Maggi Cili Kampung, Maggi Tumis Billis, Maggi Pazzta, Nescafe Gold and Coffee-mate sachets and a bottle of soy sauce each.

Bernas media relations manager Mohd Zulhelmy Ismail said the CSR programme was to support the government's efforts to overcome the pandemic.

"We are honoured to work with NSTP and IDCC to donate basic food packs from Nestle and distribute 250 rice packs from Bernas to vaccine recipients today.

"This effort is in line with our motto to ensure wellbeing for all and to support the government's efforts to address the pandemic.

"This programme also strengthens the relationship between Bernas and NSTP, namely *Berita Harian* (BH), *Harian Metro* (HM) and the *New Straits Times* (NST), which have helped



*Ideal Convention Centre vaccination centre chief manager Dr Nur Es Naini Awaluddin (centre) distributing food packs to vaccine recipients in Shah Alam yesterday. With her are New Straits Times Press (M) Bhd sales and circulation head M. Prakash (right) and Padiberas Nasional Bhd media relations manager Mohd Zulhelmy Ismail (third from right). PIC BY HAZREEN MOHAMAD*

us a lot in introducing the Bernas brand to Malaysians," he said here yesterday.

Zulhelmy said Bernas would continue working with NSTP to distribute more food packs to the community.

IDCC vaccination centre chief manager Dr Nur Es Naini Awaluddin thanked Bernas,

NSTP sales and circulation head M. Prakash said the initiative was a symbol of gratitude to those who had been vaccinated.

"We try to encourage more people to get vaccinated.

"We hope that with this prevention effort, we will all be safe during this pandemic," Prakash said, adding that the CSR pro-

gramme would be continued.

Yesterday, 4,500 copies of BH, HM and NST were distributed free at IDCC to encourage more people to read, he said.

"We would like to thank all parties who made this CSR initiative a success, especially our sponsors, Bernas, Nestle, and also IDCC for allowing us to do this."

# NSTP, BERNAS, NESTLE rai penerima vaksin

Shah Alam: The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) bersama Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan Nestle Malaysia Berhad (NESTLE) meraikan penerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Ideal Convention Centre (IDCC), di sini semalam.

Menyerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) NSTP bersama BERNAS dan NESTLE itu, seramai 250 individu yang selesai mendapat suntikan vaksin menerima sumbangan pek makanan asas.

Pek sumbangan terdiri daripada beras keluaran BERNAS, maggi cili kampung, maggi tumis bilis, maggi pazzza, sachet Nescafe Gold, sachet Coffeemate serta sebotol kicap.

Pengurus Perhubungan Media BERNAS, Mohd Zulhelmy Ismail, berkata program CSR dengan kerjasama NSTP dan BERNAS itu sebagai usaha menyokong kerajaan bagi mencapai inisiatif komuniti.

"Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan NSTP juga IDCC untuk menyumbangkan pek makanan asas bersama NESTLE dan kami bekalkan 250 beras dari BERNAS untuk diagihkan kepada penerima vaksin hari ini (semalam).



Mohd Zulhelmy menyampaikan sumbangan kepada penerima vaksin sambil diperhatikan Prakash (dua dari kiri) dan Dr Nur Es Naini di PPV IDCC Shah Alam, semalam. (Foto: Hazreena Mohamad/BH)

"Usaha ini antara motto kita, iaitu kesejahteraan untuk semua, malah BERNAS menyokong usaha kerajaan mencapai inisiatif komuniti tidak lama lagi.

"Selain itu, program ini menerangkan lagi hubungan BERNAS dengan akhbar NSTP iaitu *Berita Harian*, *Harian Metro* dan NST yang banyak membantu kami memperkenalkan BERNAS

Ketua Pengurus PPV IDCC, Dr Nur Es Naini Awaluddin, pula berkata mereka bersyukur kerana penerima vaksin dan petugas PPV sentiasa dimurahkan rezeki dan dihargai banyak pihak.

"Terima kasih kepada pihak pengurusan pasukan BERNAS, NSTP, NESTLE di atas ingatan dan sumbangan kepada PPV IDCC.

"Alhamdulillah setakat ini, penerima vaksin dan petugas PPV IDCC banyak menerima sumbangan daripada pelbagai pihak.

"PPV IDCC mempunyai dua dewan, Dewan A bagi Astra Zeneca dan Dewan B pula Sinovac. Hari ini (semalam) kita terima temu janji dos kedua sahaja dan PPV IDCC akan beroperasi sehingga 3 Oktober sebelum ditutup," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Jualan & Pengedaran NSTP, M Prakash, berkata inisiatif yang dilakukan sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada semua penerima vaksin.

"Kita cuba menggalakkan lebih ramai penerima vaksin bagi menyokong usaha kerajaan. Semoga ini menjadi usaha pencegahan dan kita selamat daripada pandemik ini.

"Kita akan teruskan lagi program CSR seperti ini akan datang. Hari ini (semalam) juga 4,500 nasakhah akhbar *Berita Harian*, *Harian Metro* dan NST diedarkan secara percuma di PPV IDCC untuk menggalakkan orang ramai membaca.

"Terima kasih kepada semua pihak yang menyayakan program CSR terutama penaja, iaitu BERNAS, NESTLE dan pihak IDCC juga yang memberi ruang kepada NSTP," katanya.